

Niaga!

niagakosmo@mediamulia.com.my


Sunway beli tanah industri 245 ekar

PETALING JAYA – Cabang hartanah Sunway Berhad, Sunway Property melalui anak syarikat milik penuhnya, Sunway Rawang City Sdn. Bhd. menandatangani Perjanjian Jual Beli kelmarin untuk tanah berstatus pegangan bebas seluas 245 ekar (99 hektar) di Kuang, Rawang.

Pengambilalihan tanah daripada Kauthar Equities Sdn. Bhd. itu melibatkan pertimbangan pembelian sebanyak RM115 juta.

Pengambilalihan dan cadangan pembangunan tanah akan dijalankan melalui usaha sama antara Sunway City Sdn. Bhd. (anak syarikat milik penuh Sunway Berhad) dan Amal Resources Sdn. Bhd.

Terletak bersebelahan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor, tapak itu menawarkan lokasi ideal untuk cadangan pembangunan taman teknologi perindustrian yang terdiri daripada kilang, gudang dan komponen komersial dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sekurang-kurangnya RM2 bilion.



PETA lokasi tanah yang dibeli Sunway Property untuk pembangunan taman teknologi perindustrian.

Pengarah Urusan Sunway Property, Sarena Cheah berkata, pihaknya teruja untuk mengemukakan pengambilalihan petak strategik di Rawang sebagai tambahan kepada keseluruhan portfolio syarikat.

"Pemerolehan ini menandakan dedikasi kami untuk membangunkan taman perindustrian yang mengintegrasikan teknologi, kemampanan dan inovasi bagi memenuhi keperluan perniagaan serta menambah portfolio pembangunan perindustrian kami yang sentiasa berkembang.

"Kami berharap dapat menyumbang kepada inovasi, pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan dan menarik pelaburan menerusi projek baharu ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sunway Property memiliki jumlah simpanan tanah seluas 3,068 ekar (1,241 hektar) dengan potensi GDV RM49.7 bilion untuk pembangunan dalam tempoh lebih 15 tahun.

KMIKT rekod pendapatan tertinggi

PETALING JAYA – KMI Kuala Terengganu Medical Centre (KMIKT), anak syarikat bahagian penjagaan kesihatan TDM Berhad di bawah kelolaan Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI) menamatkan tahun kewangan 2022 dengan pendapatan tertinggi sejak beroperasi di premis baharunya di Batu Burok.

Ia merupakan keuntungan pertama KMIKT sejak beroperasi di premis baharu, juga merupakan rekod baharu dan tertinggi sejak penubuhannya 17 tahun yang lalu.

Sebelum ini, KMIKT hanya mencatat keuntungan pada 2013 di premis lama.

Faktor utama yang menyumbang kepada prestasi berkenaan adalah peningkatan bilangan pesakit dalam dan pesakit luar, serta pertambahan kadar pengurangan bilik.

Pengerusi KMIKT, Mazli Zakuan Mohd. Noor berkata, dalam usaha meningkatkan prestasi syarikat, pihaknya akan memberi tumpuan untuk meningkatkan perkhidmatan dan sub-kepakaran dengan menawarkan pelbagai servis kesihatan yang memenuhi permintaan pelanggan.

"Fokus turut diberikan dalam



MAZLI ZAKUAN

meningkatkan penembusan pasaran kepada segmen pasaran baharu dan sedia ada di Pantai Timur.

"Selain itu, usaha berterusan untuk mewujudkan kerjasama dengan kedua-dua sektor awam dan swasta akan terus diperhebat.

"Setakat ini, kerjasama di antara KMIKT dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) masih diteruskan untuk Program Saringan Mammogram, yang mana penjarum wanita Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang berumur 40 tahun ke atas layak untuk mendapatkan ujian percuma di premis KMIKT," katanya.

Principal perkenal 2 dana patuh syariah

PETALING JAYA – Principal Malaysia (Principal) memperkenalkan dua dana patuh syariah baharu, iaitu Dana Principal Islamic Global Multi-Asset dan Dana Principal Islamic Greater China Growth bagi memenuhi keperluan pelabur di Malaysia yang semakin berkembang.

Dana berkenaan meluaskan tawaran penyelesaian patuh syariah Principal dan menawarkan peluang kepada pelabur untuk mempelbagaikan portfolio mereka dengan pelbagai kelas aset dan pasaran global, sambil mematuhi prinsip-prinsip syariah.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Negara Principal Malaysia, Munirah Khairuddin berkata, pihaknya berbangga untuk menyediakan akses dan pendedahan berterusan kepada pelbagai kelas aset dalam pasaran negara membangun dan negara maju buat para

pelabur.

"Tawaran penyelesaian pelaburan patuh syariah kami yang semakin berkembang memanfaatkan kemampuan pengurusan aset tempatan dan global kami dalam pelbagai bidang, bagi mengenal pasti peluang pelaburan dan memenuhi keperluan pelanggan.

"Permintaan bagi penyelesaian patuh syariah terus meningkat dan kami percaya pengenalan dua dana ini adalah

pelengkap sempurna untuk rangkaian dana kami sedia ada, bertujuan untuk menyediakan pendapatan tahunan dan pertumbuhan modal dalam jangka masa

masa sederhana hingga panjang," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dana Principal Islamic Global Multi-Asset menyediakan pendedahan kepada portfolio berpelbagai kelas aset, terutamanya dalam ekuiti patuh syariah dan sukuk, serta menerapkan peruntukan aset secara strategik dan taktikal bagi menghadapi kitaran pasaran sambil mengurangkan risiko portfolio.

Ia menawarkan potensi pulangan daripada pertumbuhan modal dan pendapatan dalam jangka masa sederhana hingga panjang.

Sementara Dana Principal Islamic Greater China Growth melabur dalam ekuiti patuh syariah syarikat-syarikat khususnya di China, Hong Kong, dan Taiwan yang menunjukkan perubahan asas positif dan pasaran rendah berbanding potensi masa hadapan mereka.

Ia membolehkan pelabur mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang.

MUNIRAH KHAIRUDDIN

